

Malaysia, Brazil komited kukuh kerjasama dalam pelbagai sektor

Inisiatif pererat hubungan, buka ruang pertukaran kepakaran dan pelaburan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Brazil sepakat memperkasa kerjasama dua hala dalam bidang strategik merangkumi semikonduktor, teknologi makanan dan pendidikan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, inisiatif itu akan memperkukuh hubungan sedia ada, selain membuka ruang pertukaran kepakaran dan pelaburan yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

"Perbincangan kami hari ini (semalam) meliputi pelbagai bidang, termasuk perdagangan, pelaburan dan tenaga. Bagi pihak Malaysia, saya berterima kasih atas sokongan anda (Brazil) terhadap PETRONAS.

"Kami juga bersetuju memper-



kukuh kerjasama dalam penyelidikan, semikonduktor, teknologi makanan serta pendidikan," katanya.


Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva sempena lawatan rasmi tiga hari pemimpin terbabit ke Malaysia.

Lawatan rasmi Presiden Brazil itu bersempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47.

Mengulas lanjut, Anwar turut menyatakan hasrat untuk menjalin kerjasama lebih erat dalam bidang latihan diplomatik dan penyelidikan, selain mengukuhkan hubungan kebudayaan di antara kedua-dua negara.

"Saya ingin menegaskan hubungan Malaysia-Brazil bukan sekadar hubungan diplomatik biasa, tetapi hubungan dua sahabat yang berkongsi cita-cita dan keyakinan yang sama.

"Marilah kita pastikan kedua-dua negara serta rantau masing-masing, Amerika Selatan



Anwar bersama Lula da Silva pada sidang media di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

dan ASEAN bekerjasama erat dan menjadi tonggak utama perkukuh hubungan yang melangkai perdagangan, pelaburan, politik dan budaya," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menzahirkan penghargaan

kepada Lula da Silva di atas komitmennya menangani isu kemanusiaan dan alam sekitar bukan sahaja di Brazil, malah pada peringkat global.

Katanya, pendirian Presiden Brazil itu sentiasa konsisten

memperjuangkan nasib rakyat miskin dan golongan tertindas serta pendekatannya dalam dasar luar membabitkan isu keadilan dan pembunuhan beramai-ramai di Semenanjung Gaza.